

## **Sumbangan Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam Memperkasa Program Dakwah Mualaf di Pedalaman Sarawak**

*The Contribution of the Organization of Harakah Islamiah (HIKMAH) in Empowering the Convert Da'wah Program in the Rural of Sarawak*

**Mohd. Zuhaili Kamal Basir<sup>1</sup>, \*Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao<sup>2</sup>, Fariza Md. Sham<sup>3</sup>, Mohd Shafik Mohd Samsi<sup>4</sup> & Norliza Gerunsin<sup>5</sup>**

<sup>1,2</sup>Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>4,5</sup>Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah, 96400 Mukah, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding author: [athiroh@ukm.edu.my](mailto:athiroh@ukm.edu.my)

**Published:** 30 April 2024

**To cite this article (APA):** Kamal Basir, M. Z., Abdullah @ Tan Ai Pao, N. A. M. T., Md. Sham, F., Mohd Samsi, M. S., & Gerunsin, N. (2024). Sumbangan Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam Memperkasa Program Dakwah Mualaf di Pedalaman Sarawak. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 70–90. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.7.2024>

### **Abstrak**

Sarawak terkenal sebagai sebuah wilayah Sarawak terbina dari pelbagai suku, etnik dan agama menerusi proses asimilasi dan akomodasi budaya serta perkahwinan campur. Kedudukan komuniti mualaf atau mualaf di tengah-tengah kepadatan penduduk Sarawak turut menyumbang ke arah perkembangan dakwah Islam di Sarawak. Salah satu badan dakwah yang aktif dan bersifat aktivis di Sarawak adalah Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) yang membantu mengurus dan mengendalikan program-program dakwah mualaf di kawasan pedalaman. Penubuhan HIKMAH telah menjadi pemangkin ke arah usaha dakwah di pedalaman melalui program dakwah bercorak pendidikan, kebajikan dan kemasyarakatan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menelusuri perkembangan pertubuhan terbabit dan sumbangannya dalam memperkasa program-program bimbingan dan kemasyarakatan di Sarawak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu analisis dokumen, jurnal, laporan aktiviti. Hasil kajian mendapati Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) komited merangka strategi dalam menjalankan program-program yang sesuai dengan demografi, etnisiti dan sentimen beragama di Sarawak. Program-program yang dilaksanakan mengambil kira penerimaan masyarakat dari berbilang kaum dan tidak menimbulkan sebarang bentuk provokasi berbaur perkauman dan keagamaan. Usaha ini bagi memastikan Sarawak terus dikenali sebagai wilayah yang menyanjung konsep toleransi beragama di Malaysia.

**Kata kunci:** Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH), Program Dakwah Mualaf, Pedalaman Sarawak

### **Abstract**

*Sarawak is renowned as a region built upon diverse ethnicities, cultures, and religions through processes of cultural assimilation, accommodation, and intermarriage. The presence of new Muslim converts, or mualaf, amidst Sarawak's dense population also contributes to the*

*development of Islamic propagation (dakwah) in Sarawak. One of the active and activist Islamic propagation organizations in Sarawak is the Organization of Harakah Islamiah (HIKMAH), which assists in managing and conducting dakwah programs for converts in rural areas. The establishment of HIKMAH has become a catalyst for dakwah efforts in rural areas through educational, welfare, and community-oriented dakwah programs. Therefore, this study aims to trace the development of this organization and its contribution to empowering guidance and community programs in Sarawak. The study employs a qualitative research design, including document analysis, journals, and activity reports. The study findings indicate that HIKMAH is committed to formulating strategies that align with Sarawak's demographic, ethnic, and religious sentiments. The implemented programs consider the acceptance of the multi-ethnic society and avoid any forms of provocation related to ethnicity or religion. These efforts aim to ensure that Sarawak continues to be recognized as a region that upholds the concept of religious tolerance in Malaysia.*

**Keywords:** Organization of Harakah Islamiah (HIKMAH), Convert Da'wah Program, Rural of Sarawak

## **Pengenalan**

Program dakwah merupakan antara mekanisme terbaik dalam proses bimbingan dan pengajaran mualaf di Malaysia. Pembinaan modul dan silibus program memerlukan kepakaran pendakwah dan pihak organisasi dakwah yang memahami persekitaran dan kondisi mualaf di setiap tempoh transisi dari fasa permulaan, fasa pertengahan sehingga tahap penyesuaian budaya dan cara kehidupan sebagai Muslim. Usaha ini memudahkan para pendakwah merancang strategi dan pendekatan yang bersesuaian dengan cabaran dan permasalahan semasa mualaf serta secara tidak langsung, mereka senang didekati dan lebih terbuka dalam menerima bimbingan dan pengajaran.

Program menurut Kamus Dewan edisi Keempat (2010), bermaksud suatu rancangan dasar serta cara menjalankan sesuatu aktiviti atau pertandingan secara bersistematik. Ia melibatkan proses mengatur, menyusun dan menyelenggara rancangan dan aktiviti. Manakala dakwah bermaksud usaha dalam menyeru, membawa, menyakinkan dan mengubah keadaan individu dan masyarakat Islam kepada keimanan tauhid dan penyebaran agama Islam serta menjauhkan dan menyelamatkan manusia dari kebinasaan, kerosakan dan kekufuran (Zaydan, 1987; Shalabi, 1982; Ghalwash, 1979; al-Qaradawi, 1978 & al-Bayanuni, 1990; HAMKA, 2012 & Abd. Aziz, 2006).

Oleh itu, program dakwah adalah asas penting dalam usaha umat Islam untuk menyebarkan ajaran tauhid dan kebenaran Islam kepada masyarakat. Menerusi perancangan yang teratur dan pelaksanaan yang sistematik, tujuan program dakwah adalah untuk mengajak, meyakinkan, dan mengubah pandangan serta perilaku individu ke arah yang benar. Sehubungan itu, program dakwah bukan sahaja bertujuan untuk menyebarkan agama, tetapi juga sebagai usaha untuk menyelamatkan umat dari kekeliruan dan kebinasaan

Menurut Mohd Farid Hafidz & Mohamad Khairi (2016), aturan dan perencanaan sesebuah program adalah kunci kepada keberhasilan dan kejayaannya. Faktor-faktor seperti penentuan objektif yang jelas, matlamat yang tersusun, kandungan yang relevan, penggunaan teknik yang sesuai, fleksibiliti dalam pengurusan masa dan tenaga kerja, serta penyediaan infrastruktur dan infostruktur yang memadai merupakan elemen-elemen yang penting. Sementara itu, penting juga untuk mempertimbangkan implikasi kewangan yang terlibat.

Keseluruhan, faktor-faktor ini berperanan dalam menentukan kejayaan dan keberhasilan program serta memberi panduan untuk penambahbaikan di masa akan datang.

Dalam usaha dakwah kepada muallaf, umat Islam perlu memberikan bimbingan yang berterusan dalam aspek akidah, ibadah, dan akhlak. Proses bimbingan ini amat penting untuk membantu muallaf memahami Islam secara menyeluruh serta melaksanakan ibadah Fardhu 'Ain mengikut kemampuan mereka. Anuar (2005) menegaskan bahawa bimbingan ini bertujuan untuk membantu muallaf mencapai kesempurnaan dan kesejahteraan hidup sebagai seorang Muslim. Oleh itu, program dan aktiviti yang bersifat praktikal, realistik, dan fleksibel digunakan sebagai medium untuk menyampaikan bimbingan yang efektif kepada muallaf, memastikan mereka mendapat sokongan yang sesuai dengan keperluan individu dan membantu mereka memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang Islam serta melaksanakan amalan-amalan tersebut dalam kehidupan seharian.

Komuniti saudara muslim atau muallaf di Sarawak menjadi jentera penting dalam perkembangan dakwah Islam di negeri yang sering dipanggil '*Darul Hana.*' Komuniti ini mendapat keutamaan dari segi pendidikan, bimbingan, dan kebajikan dari pertubuhan Islam termasuk pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) di Sarawak. Salah satu badan dakwah yang aktif dan berperanan sebagai aktivis di Sarawak adalah Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) yang turut membantu dalam pengurusan dan pelaksanaan program-program dakwah untuk muallaf di kawasan pedalaman. Penubuhan HIKMAH merupakan kesinambungan dari perjuangan Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) yang ditubuhkan pada 3 Mei 1968. Pada Perhimpunan Perwakilan BINA ke-xi pada 18 September 1993, keputusan untuk menukar nama pertubuhan BINA kepada HIKMAH telah diluluskan. Tujuan perubahan ini adalah untuk menjadikan HIKMAH sebagai wadah yang meneruskan perjuangan dakwah BINA di Sarawak (<https://www.hikmah.org.my/sejarah>).

Sejak penubuhan HIKMAH, jumlah pengislaman dalam kalangan masyarakat Pribumi Sarawak menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 1970 hingga 1980an. Pada tahun 1982, Sarawak mencatatkan jumlah pengislaman seramai 11,000 orang masyarakat Pribumi yang berjaya dibimbing oleh para pendakwah BINA-HIKMAH di kawasan pedalaman. Kejayaan ini menjadi pencapaian penting yang menunjukkan kesungguhan serta keberkesanan usaha dakwah BINA-HIKMAH dalam menyebarkan Islam di kalangan masyarakat Pribumi Sarawak. Melalui kejayaan ini, pelbagai program dakwah telah berjaya diadakan oleh jawatankuasa dakwah BINA termasuk seminar, latihan, kursus, dan program kemasyarakatan seperti bantuan kematian, perkahwinan, kemalangan, dan perubatan (Nor Azura et al., 2018). Usaha ini dilihat sebagai tonggak penting dalam menarik lebih banyak masyarakat Non-Muslim di Sarawak untuk memeluk agama Islam, serta menunjukkan kesan positif dari usaha-usaha dakwah yang dijalankan oleh BINA-HIKMAH.

Ironinya, persekitaran kehidupan muallaf di Sarawak menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding dengan komuniti muallaf di Semenanjung Malaysia. Komuniti tersebut di Semenanjung Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik seperti Cina Muslim, India Muslim dan Orang Asli. Sedangkan Sarawak menawarkan panorama sosial yang dipamerkan oleh lebih dari 40 kelompok etnik yang pelbagai mengikut warisan budaya dan keagamaan masing-masing. Perbezaan ini tercermin melalui struktur geografi, demografi penduduk, ciri sosio-budaya, dan lanskap politik setempat yang kompleks (Abu Dardaa, 2014). Oleh itu, HIKMAH menghadapi cabaran untuk memilih pendekatan dan program yang sesuai dengan konteks budaya, adat istiadat dan agama yang berbeza-beda dihadapi oleh muallaf di Sarawak. Program-program dakwah yang direncana juga perlu mempertimbangkan faktor-faktor seperti

kemampuan sumber manusia, kewangan, lokasi serta objektif yang dapat diterima oleh masyarakat bukan Islam. Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan untuk meneliti sumbangan HIKMAH dalam memperkasa program-program dakwah untuk mualaf di kawasan pedalaman Sarawak.

### **Literatur Kajian Lepas**

Menurut Berhanudin Abdullah et. al. (2016), pelaksanaan program dakwah di Sabah dan Sarawak banyak bertumpu kepada aktiviti kebajikan, kemasyarakatan dan sukarelawan kerana faktor kemiskinan dan kesusahan. Program berbentuk khidmat komuniti perlu diperhebat dengan kerjasama antara pihak kerajaan negeri dan NGO dakwah untuk aktiviti pengkaderan, pengurusan masjid dan pembangunan pusat pendidikan Islam, rumah anak yatim, tempat rekreasi dan rumah sakit. Program ziarah dipertingkatkan bagi menyalurkan bantuan, pemantauan pendidikan dan penghayatan agama, membina semangat kejiranan Islam, memberi khidmat kesihatan dan kaunseling serta program bercorak kekeluargaan, kemasyarakatan dan kepimpinan. Sumbangan NGO dakwah negeri amat membantu dalam melicinkan perjalanan program dakwah dikawasan bandar atau pedalaman.

Kajian lepas berkaitan program dakwah HIKMAH dapat dilihat menerusi kajian berbentuk persejarahan dan lapangan. Antaranya kajian tokoh yang dijalankan oleh Ariffin Sebli (2015) iaitu '*Sumbangan Abdul Rahman Ya'kub dalam Dakwah di Sarawak*'. Pengkaji begitu mengagumi kewibawaan tokoh politik ini dalam mengorganisasi gerakan dakwah di Sarawak agar lebih terancang dan tersusun meskipun beliau bukan dari latarbelakang pendidikan agama dan madrasah. Kejayaannya dalam memimpin penubuhan MIS, PERKIS dan BINA-HIKMAH telah mencetuskan fenomena pengislaman beramai-ramai golongan Mualaf di kawasan pedalaman. Malah pada zamannya, pembangunan fizikal Islam berjalan dengan rancak menerusi pembinaan masjid, bangunan bercirikan seni bina Islam, transformasi gerakan Islam yang lebih proaktif dan kreatif, peningkatan dana peruntukan program dakwah dan penambahan tenaga kerja dakwah. Kejayaan besar beliau kepada BINA-HIKMAH adalah projek penubuhan Perkampungan Baru Islam (PBI) di Kampung Belimbing Pedawan pada 1973 ketika masih menjawat jawatan Ketua Menteri Sarawak.

Selain itu, kajian Siti Nurfatina Hazwani et. al. (2018) yang bertajuk '*Sumbangan T.Y.T, Dato' Seri Pehin Abdul Taib Mahmud dalam Pentadbiran Pembangunan Islam di Sarawak*' telah mengetengahkan sumbangan tokoh negarawan tempatan yang juga merupakan mantan Ketua Menteri Sarawak (1981-2014). Pengkaji mendapati banyak usaha yang dilakukan tokoh tersebut untuk membangunkan urusan tadbir Islam di Sarawak. Antaranya sumbangan beliau dalam memimpin gerakan Harakah Islamiah (HIKMAH). Sumbangan utamanya adalah mengukuhkan peranan HIKMAH di Sarawak dengan suntikan dana sebanyak RM250,000 kepada pihak pengurusan HIKMAH bagi menjalankan usaha dakwah di kawasan pedalaman. Malah beliau juga mengakui peranan besar HIKMAH dalam menyatupadukan masyarakat Islam dengan masyarakat Bukan Islam dalam suasana keharmonian kaum dan semangat toleransi beragama.

Berkaitan kajian program dakwah Mualaf HIKMAH dapat dilihat melalui kajian Khalidi Ibrahim dan Badlishisham Mohd Nasir (2018) yang bertajuk '*Peranan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam Perkembangan Syiar Islam di Sarawak*'. Hasil kajian mendapati penubuhan BINA dan penjenamaan semula dengan nama HIKMAH berjaya menjadi pergerak utama kepada usaha dakwah kepada golongan remaja, wanita dan mualaf di Sarawak melalui gabungan pendekatan menerusi program berbentuk umum, pendidikan dan kemasyarakatan.

Terdapat program yang dilaksanakan menjadi identiti tersendiri HIKMAH iaitu program klinik BINA, Kor Khidmat Masyarakat (KKM), klinik bergerak, program integrasi sosial, khemah ibadah, program minggu dakwah, Program Perkampungan Baru Islam (PPBI) dan program *Foster Homes* (kerjasama bersama PERKIM). Namun tiada pendedahan berkaitan program kemasyarakatan yang dikemaskini oleh unit Dakwah HIKMAH diperingkat pusat dan cawangan. Ini bermakna tiada penyelarasan antara program induk dan program dipedalaman kerana permasalahan dan cabaran setiap etnik di setiap bahagian di Sarawak berbeza-beza.

Menerusi kajian Ardika Razali (2017) yang bertajuk '*Pembinaan Mualaf (Mualaf) di Harakah Islamiah (HIKMAH) Kuching Sarawak (1994-2017)*', pengkaji mendapati sumbangan HIKMAH pada tempoh masa tersebut amat membanggakan kerana peningkatan jumlah pengislaman di Sarawak saban tahun. Potensi para pendakwah dalam kalangan mualaf sendiri dimanfaatkan sebaiknya untuk membimbing secara langsung keluarga mereka di kampung masing-masing. Malah perkampungan mualaf juga sudah dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti surau dan sekolah. Projek perkampungan tersebut menjadi tumpuan keluarga Bukan Islam untuk duduk bersama mualaf dan terkesan dengan persekitaran kampung yang dipenuhi perasaan kasih sayang dan sifat saling hormat menghormati. Pelbagai bentuk program pengisian yang dijayakan bersama antara anggota masyarakat kampung dengan pihak pemerintah seperti aktiviti gotong-royong, lawatan para da'ie ke Pontianak, sambutan perayaan hari kebesaran Islam, program ihya' dan ziarah Ramadhan dan konvesyen Majlis Ta'alim Wanita Mualaf HIKMAH.

Sehubungan itu, kajian Nor Azura Nawawi et. al. (2018) yang bertajuk '*Konsep dakwah bi al-Hikmah oleh Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) Terhadap Penganut Agama Lain di Sarawak*' telah mengenalpasti empat jenis program BINA yang menonjolkan ciri 'hikmah' dalam modus operandi dakwah BINA-HIKMAH iaitu program ziarah muhibbah, projek perkampungan mualaf, penubuhan Institut Latihan Dakwah HIKMAH dan jaringan hubungan kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi di Timur Tengah dan Indonesia. Pelbagai teknik dan pendekatan program yang digunakan untuk mendekati golongan mualaf, melebarkan dakwah kepada masyarakat Bukan Islam dipedalaman dan meningkatkan jumlah pendakwah dalam kalangan mualaf. Antaranya teknik taaruf, mengambil berat dgn permasalahan mereka, menghulurkan bantuan kewangan dan khidmat kesihatan serta mengurus dokumentasi pengislaman Mualaf.

Justeru itu, HIKMAH terus berperanan dalam menyediakan platform pendidikan terbaik dalam mengasah bakat kepimpinan dakwah di kalangan golongan mualaf sendiri. Pihak HIKMAH memandang serius dengan masalah kekurangan pendakwah di pedalaman dengan memberi latihan pengkaderan kepada anak-anak mualaf yang berpotensi tinggi untuk meneruskan usaha penyebaran agama Islam di kalangan kaum kerabat dan suku etnik mereka. Oleh itu, Kajian Yusman Mustapha (2018) yang bertajuk '*Sejarah dan Perkembangan Pusat Latihan Dakwah Yayasan HIKMAH Kuching (1989-2018)*' cuba menelusuri perkembangan sejarah PLD INDAH yang ditubuhkan di Bintulu pada 1989. Penerapan elemen dakwah, sosial dan pendidikan dalam kurikulum pengajian amat membantu dalam melahirkan kader-kader dakwah yang berketrampilan tinggi dan menyediakan kursus persediaan asas agama sebelum mengikuti pengajian tinggi agama di Timur Tengah dan Indonesia. Alumni yang berjaya kemudiannya terjun kepada masyarakat untuk menyebarkan dakwah Islam di Sarawak

Kajian Simoi Peri (1990) antara kajian terawal yang mengkaji aspek kefahaman dan pengamalan ibadah khusus dalam program BINA-HIKMAH dalam kalangan mualaf di Kampung Belimbing, Padawan Sarawak. Hasil kajian mendapati para peringkat awal

pengislaman masyarakat Bidayuh di kampung tersebut, tahap kefahaman dan pengamalan ibadah khusus mereka amat tidak memuaskan dan kebanyakan mereka mengambil sikap sambil lewa dalam menunaikan tuntutan agama. Ini dibuktikan menerusi kajian tinjauan yang merekodkan hanya 5% responden memahami konsep ibadah dengan baik, manakala 75% responden gagal memberikan penjelasan tepat berkaitan konsep ibadah khusus. Dari aspek pengamalan pula, 90% responden didapati tidak menunaikan ibadah solat dan puasa secara konsisten. Keadaan ini berpunca dari masalah kejahilan ilmu dan masalah buta huruf, manakalah BINA-HIKMAH pula berhadapan dengan masalah kewangan, kekurangan guru terlatih dan masalah logistik. Justeru itu, BINA-HIKMAH disaran menjalin kerjasama dengan ABIM, PERKIM dan PERKIS dalam mendapatkan bantuan kewangan dan tenaga mahir terdiri dari para pendakwah terlatih, seterusnya dicadangkan pembinaan tadika untuk memberi pendedahan awal ilmu agama kepada anak-anak mualaf.

Seterusnya kajian berkaitan program Mualaf HIKMAH diperingkat cawangan telah dijalankan oleh Mohd Zuhaili Kamal Basir et. al. (2019) di Bahagian Mukah, Sarawak. Pengkaji menemubual pegawai dakwah HIKMAH yang terlibat berkaitan cabaran dan pendekatan untuk mendekati golongan mualaf berketurunan Melanau. Pengkaji mendapati faktor pemelukan Islam dalam kalangan mualaf di Mukah adalah faktor perkahwinan dan ia mempengaruhi minat dan motivasi mereka untuk mengikuti program-program dakwah HIKMAH di pedalaman. Cabaran terbesar mereka adalah penyesuaian budaya terutama berkaitan interaksi dengan budaya animisme masyarakat Melanau yang menjalankan upacara Kaul. Justeru itu, cabaran tersebut ditangani dengan *pendekatan bi al-hal* iaitu bersosialisasi dengan budaya setempat, berkomunikasi dengan dialek etnik mad'u, fokus bahan pembelajaran berkaitan asas agama seperti solat dan al-Quran, penggunaan teknologi dalam penyampaian dan pemilihan masa dan tempat yang bersesuaian dengan jenis pekerjaan mereka.

Kajian kualitatif telah dijalankan oleh Fatimah Bujang et. al. (2012) tentang pengalaman pendakwah HIKMAH dipedalaman menerusi kaedah temubual berstruktur. Pengkaji mendapati beberapa program kemasyarakatan bercorak pendidikan telah dijalankan bersama dengan penduduk kampung dan masyarakat Bukan Islam seperti program gotong-royong, ceramah dan forum, kelas Iqra' dan al-Quran serta mengadaptasi teknik permainan sebagai alat bantuan mengajar seperti permainan puzzle Alif Ba' Ta'. Namun pendekatan moden melalui penggunaan teknologi, pemantapan kemahiran komunikasi dan bahasa para pendakwah dan penambahan peruntukan dana untuk menampung keperluan dan tenaga kerja dakwah antara saranan pengkaji yang perlu dipertimbangkan sewajarnya oleh pihak pengurusan HIKMAH.

Selain itu, Siti Ruqayah Tibek et. al. (2018) dalam kajiannya "*Aktiviti Dakwah di Sarawak dan Penerimaannya dalam Kalangan Wanita*" mendapati HIKMAH menerusi unit HELWA banyak menyumbang kepada pemerikasaan pendidikan agama dalam kalangan wanita di Sarawak. Hasil kajian menunjukkan hampir 70% responden mendapat maklumat dan cakna dengan program yang dijalankan oleh unit HELWA HIKMAH. Namun penyertaan dan penglibatan program tersebut masih kurang memuaskan kerana beberapa faktor iaitu minat kepada pengajian feqah dan fardhu ain sahaja, faktor kekangan waktu dan masa dan kecenderungan mereka kepada program berbentuk kesenian Islam seperti persembahan Nasyid. Justeru itu, pihak organisasi dakwah tempatan termasuk HIKMAH perlu menentukan tarikh dan masa program yang bersesuaian, mempelbagaikan kaedah pengajaran agar tidak bertumpu kepada ceramah semata-mata dan mempertingkatkan publisiti agar maklumat program sampai kepada pengetahuan kaum wanita.

Berdasarkan himpunan kajian-kajian ilmiah yang lepas, pengkaji dapati tiada kajian yang khusus dan terperinci berkaitan signifikan program dakwah NGO HIKMAH kepada pembangunan Mualaf di Sarawak secara holistik. Sumbangan dakwah HIKMAH hanya diletakkan dalam bab-bab kecil berkaitan peranan NGO Dakwah dalam gerak kerja dakwah di Sarawak. Peranan dan fungsi HIKMAH tidak boleh dipandang rendah berbanding peranan badan-badan dakwah peringkat persekutuan seperti PERKIM, MACMA dan sebagainya. Justeru itu, kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan bagi mengetengahkan program-program dakwah HIKMAH merangkumi kegiatan pendidikan, kebajikan dan kemasyarakatan termasuk kajian rintis berkaitan penerimaan Mualaf di Sarawak terhadap program-program tersebut. Ini kerana terdapat beberapa cabaran dan permasalahan yang dihadapi mualaf Sarawak begitu berbeza dengan persekitaran kehidupan Mualaf di Semenanjung Malaysia. Malah HIKMAH merupakan NGO dakwah yang sentiasa mendapat sambutan dan tarikan dari komuniti Mualaf tempatan dalam mendapat khidmat bantuan dan bimbingan kerana faktor bahasa komunikasi dan faktor sosio-budaya yang berbeza ditempat lain.

### **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif. Ia digunakan untuk memahami dan mengenalpasti isu dan konteks kajian secara mendalam berdasarkan kepada sumber maklumat sekunder (Ahmad Munawar & Nor Shahizan, 2020). Dalam konteks kajian ini, pengumpulan data daripada dokumen dan dianalisis secara deskriptif (content analysis) mengkaji sumbangan pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam memperkasa program dakwah mualaf di pedalaman Sarawak. Menurut Mohd Syuhaimi et al. (2017), analisis dokumen dapat membantu pengkaji memperoleh data secara terus tanpa perlu merujuk kepada individu atau pegawai yang terbabit. Dari aspek kesahihan dan pembuktian juga tidak dapat diragui kerana ia dapat dipastikan sumbernya dan bersifat konsisten. Data ini juga seringkali digunakan untuk mengemukakan, menguatkan dan menyokong maklumat serta boleh membuat perbandingan antara data lama dengan data maklumat yang baru

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Kajian ini memfokuskan kepada sumbangan Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam memperkasa program dakwah di pedalaman Sarawak kepada masyarakat Mualaf. Hasil kajian ini dapat dilihat berdasarkan aspek berikut:

(a) **Dinamika Pengurusan Dakwah Mualaf di Sarawak Pasca Kemerdekaan**

Pada era 1950-an, perkembangan dakwah di Sarawak memfokuskan kepada penubuhan institusi Islam berbentuk *Jama'iyah* bagi merealisasikan konsep *ukhwah* (persaudaraan) dan *ta'awun* (tolong-menolong) dalam usaha memulihkan akidah umat Islam yang dipengaruhi oleh budaya Barat. Pendekatan dakwah secara berorganisasi diperkenalkan dengan menggerakkan para pendakwah tempatan untuk mengembalikan umat Islam kepada cara hidup Islam melalui perancangan, penyusunan, penyelenggaraan, dan gerak kerja yang lebih tersusun dan berterusan. Gelombang kesedaran dan kebangkitan Islam yang berlaku di Timur Tengah, Singapura, Indonesia, dan Semenanjung Malaysia turut merangsang minat dan kesungguhan umat Islam di Sarawak untuk mempertahankan dan menjaga kesucian agama Islam dari pengaruh luar. Institusi-institusi yang ditubuhkan ini memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan semangat keislaman, menjadikan masyarakat Islam di Sarawak lebih berdaya tahan terhadap anasir-anasir negatif serta bertindak sebagai pusat dakwah dan benteng pertahanan akidah dan identiti umat Islam di Sarawak (Md. Amin, 2018).


Jaringan dakwah melalui seminar, ceramah, kelas pengajian agama dan forum berjaya mewujudkan permuafakatan serta kerjasama serantau dalam menyebarkan ajaran Islam di seluruh Asia termasuk kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak). Model pendidikan pondok tradisional seperti *Madrasah Islamiah* di Sarawak, Kolej Islam Malaya di Semenanjung, dan *Madrasah al-Junaid* di Singapura telah melahirkan tokoh intelektual Islam yang aktif, progresif dan dinamik dalam memperkenalkan prinsip reformasi dan Islamisasi ke dalam sistem pemerintahan yang masih terpengaruh oleh peninggalan penjajah (Zulkiplie & Juanda, 2018; Ezad Azraai et al., 2003; Md. Amin, 2018).

Mereka juga memulakan usaha menggerakkan pertubuhan dakwah secara berorganisasi di peringkat nasional, seperti penubuhan Majlis Islam Sarawak (MIS) dan Persatuan Kebajikan Islam Sarawak (PERKIS) oleh para pelajar lepasan *Madrasah al-Islamiah*. Usaha ini dilaksanakan melalui penganjuran kursus-kursus keagamaan serta aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan. Langkah awal ini memberi kesan positif terhadap peningkatan program pengimarahannya masjid, penambahan jumlah jemaah di masjid, peningkatan bilangan anak-anak watan yang melanjutkan pengajian tinggi dalam bidang agama serta penambahan jumlah jemaah yang menunaikan fardhu haji di Mekah (Zulkiplie & Juanda, 2018).

Dalam masa yang sama, beberapa organisasi dakwah telah ditubuhkan di Sarawak hasil daripada cetusan idea penubuhan *Majlis Syuyukh* (1917) oleh Datu Imam Abang Murshidi, termasuk penubuhan Majlis Agama Islam Sarawak (MIS) pada 17 Disember 1954. Organisasi-organisasi ini boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Organisasi Dakwah Kerajaan dan Organisasi Dakwah Bukan Kerajaan. Kedua-dua kategori ini terdiri daripada organisasi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Organisasi dakwah Kerajaan Persekutuan termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sarawak, yang mengawasi Institut Pengajian Tinggi IKMAS. Manakala, organisasi dakwah Kerajaan Negeri termasuk MIS yang disokong oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), Pejabat Mufti Negeri Sarawak (PMNS), dan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) (Juanda, 2003).

Sementara itu, Organisasi Dakwah Bukan Kerajaan (NGO) meliputi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Cawangan Sarawak, Angkatan Belia Islam (ABIM) Cawangan Sarawak dan Jemaah Islam Malaysia (JIM) Cawangan Sarawak. Di samping itu, terdapat juga pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dan Persatuan Kebajikan Islam Sarawak (PERKIS) yang didirikan di bawah kerajaan negeri Sarawak (Juanda, 2003). Selain itu, beberapa pertubuhan atau organisasi dakwah Islam lain turut membantu dalam kegiatan pengislaman di Sarawak. Kegiatan mereka menumpukan kepada program pendidikan, kebajikan, khidmat masyarakat dan lain-lain. Kerjasama antara badan-badan dakwah di peringkat kerajaan dan negeri telah memperkuatkan lagi proses islamisasi di kawasan perkampungan dan pedalaman. Berikut adalah gambaran struktur organisasi dakwah mualaf di Sarawak selepas kemerdekaan:





Carta 1: Struktur Organisasi Dakwah Mualaf di Sarawak

(a) Sejarah Penubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) di Sarawak

Harakah Islamiah (HIKMAH) menjadi NGO dakwah terbesar di Sarawak dengan kehadiran kesemua cawangannya merentasi seluruh bahagian Sarawak. Pertubuhan ini mula terbentuk pada tahun 1968 dengan nama Angkatan Nadhatul Islam Bersatu (BINA) semasa berlangsungnya Kongres Islam Malaysia Timur yang dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Islam Sarawak (PERKIS) dari 3 hingga 5 Mei 1968. Penciptaan organisasi ini mencerminkan tekad golongan intelek Muslim di Sarawak untuk mengembalikan golongan belia Islam kepada penghayatan dan cara kehidupan Islam yang sejati selepas era pasca-kolonialis (Abdul Razak, 2010).

BINA-HIKMAH sebagai sebuah organisasi dakwah yang lahir pada tahun 1968 dan kemudiannya mengalami perubahan nama menjadi HIKMAH pada tahun 1993 memainkan peranan penting dalam memperkasa masyarakat Muslim di Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman (Zulkiplie & Juanda, 2018). Dengan fokus pada dakwah yang bijaksana dan mendidik, para pendakwah mereka tidak hanya menggerakkan generasi muda, tetapi juga menyentuh segenap lapisan masyarakat termasuk wanita dan Saudara Kita (mualaf). Pendekatan mereka berlandaskan konsep *Hikmah* dan *Mau'izath al-Hasanah* dan menekankan pentingnya pendekatan yang berterusan dan penuh tanggungjawab dalam membentuk pemahaman dan pengamalan ajaran Islam yang teguh dalam kehidupan masyarakat tempatan (Md Amin, 2018).

Pertubuhan yang kukuh dengan jaringan kerjasama yang meluas dengan agensi kerajaan dan NGO luar telah memacu kejayaan ke arah usaha pengislaman di kawasan perkampungan dan pedalaman Sarawak. Pendekatan program yang holistik dan bersepadu telah mengambil kira realiti serta keperluan masyarakat setempat merangkumi aspek pendidikan, bimbingan, kebajikan, dan kemasyarakatan. Antara kursus, program, dan aktiviti utama yang dijalankan secara konsisten termasuk Kursus Pengerak Dakwah, Ziarah Dakwah, Jejak Dakwah, Kelas Bimbingan Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah, Kelas Bimbingan Iman dan

Mu'azzin, Kelas Mengaji Iqra' dan al-Quran, Program Smart Solat, Kursus Pemantapan Islam, Majlis Tilawah al-Quran, Ziarah Prihatin, Ramah Tamah Aidilfitri, Program Ibadah Qurban, Klinik Bergerak, Program Safari Ramadhan, dan lain-lain lagi. Projek Perkampungan Baru Islam (PBI) menjadi salah satu projek mega yang menunjukkan kejayaan HIKMAH dalam membangun prasarana dan modal insan di kalangan mualaf di Sarawak (Buku Cenderahati 50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019).

Organisasi dakwah HIKMAH menjadi subjek kajian kerana fokusnya pada program dakwah mualaf di pedalaman Sarawak. Pengalaman selama 50 tahun dalam pengurusan dakwah membuktikan sumbangannya dalam pengajaran dan bimbingan kepada Saudara Kita atau mualaf. Pendekatan yang santai dan bergaul rapat dengan sasaran dakwah antara strategi utama untuk meningkatkan jumlah pengislaman di Sarawak. Kelebihan HIKMAH adalah pemahaman yang mendalam terhadap realiti dan cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf di pedalaman, di samping memastikan setiap pendekatan dan program mereka yang mesra dengan ekosistem dakwah di Sarawak. Ini membezakan HIKMAH daripada pertubuhan dakwah NGO di peringkat persekutuan seperti PERKIM dan MACMA.

(c) Matlamat dan Visi Penubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH)

Falsafah perjuangan HIKMAH berpaksikan visi sebagai sebuah gerakan yang unggul dan menyeluruh. Visi ini menegaskan komitmen HIKMAH untuk menjadi satu entiti yang kukuh, mengajak manusia kepada kebaikan (Islam) dan menolak segala bentuk kejahatan. Perjuangan ini bertujuan untuk mengelola gerakan dakwah HIKMAH dengan bersepadu, disiplin, dan keterangkuman. Cogankata dan slogan yang sering diketengahkan adalah "*Ibadah, kehidupan, dan kematianku adalah kerana Allah SWT*" yang bersumber dari firman Allah SWT:

*"Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah SWT, Tuhan semesta alam".*

(Surah al-An'am 6: 162)

Asas ini juga telah membentuk misi dan objektif gerakan untuk mengekalkan momentum perjuangan dan terus beriltizam dalam meninggikan syiar Islam di Sarawak. Antara misi gerakan adalah:

- i. Memperkasa program dakwah untuk melahirkan insan kamil
- ii. Memastikan sumber dan dana ditadbir urus dengan cekap dan berkesan
- iii. Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan.

Objektif gerakan dirumuskan berdasarkan tiga perkara:

- i. Memperkasa tahap profesionalisme perkhidmatan dakwah Islamiah di negeri Sarawak
- ii. Memperkemaskan bimbingan kefahaman sebenar mengenai Islam sebagai al-Din kepada masyarakat Islam dan Bukan Islam.
- iii. Memantapkan penghayatan nilai-nilai Islam sebagai teras kecemerlangan ummah (Buku Cenderahati 50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019)

(d) Pelaksanaan Program Dakwah Mualaf di Pedalaman Sarawak

Pelaksanaan dasar dan strategi dakwah Islamiah oleh BINA-HIKMAH berpaksikan konsep kebaikan untuk semua (*Rahmah lil al-'Alamin*). Semua program dan aktiviti yang dijalankan diharapkan meraih sokongan dan dukungan padu dari segenap lapisan masyarakat. Para pendakwah didorong untuk menyedarkan masyarakat Islam agar menyeru seruan dakwah ke arah '*amar ma'ruf wa nahi munkar*'. Oleh itu, semua tenaga pendakwah BINA-HIKMAH digembleng untuk memantapkan kualiti pelaksanaan program dakwah di kawasan pedalaman. Beberapa hala tuju sektor telah dibentangkan dan dikemukakan kepada pendakwah BINA-HIKMAH untuk merancang program dakwah yang efektif dan berkesan, antaranya:

- a) Mempertingkatkan lagi kefahaman pemikiran Islam bagi melaksanakan dakwah bersepadu dan berkesan
- b) Memberi pendedahan mengenai dasar dan strategi pelaksanaan dakwah HIKMAH
- c) Memberi pendedahan mengenai isu-isu semasa dan pendirian HIKMAH dalam menangani permasalahan-permasalahan yang berkaitan.
- d) Memberi pendedahan mengenai hubungan ketertiban, kesungguhan, kualiti, produktiviti selari dengan nilai-nilai Islam
- e) Memberi pendedahan mengenai beberapa pendekatan dakwah yang terkini menggunakan teknologi moden dan komunikasi yang berkesan
- f) Menggerak dan mendorong penglibatan aktif dan berkesan dalam membantu dan memperkukuh program dakwah HIKMAH (Kertas Kerja Muzakarah Dakwah, 2002)

Menurut Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2019), beberapa perubahan strategi dakwah BINA-HIKMAH telah dilakukan meliputi kaedah, jenis program dan sasaran dakwah yang terlibat. Perubahan ini merupakan hasil dari transformasi nama, struktur organisasi dan pindaan perlembagaan HIKMAH. Antara perubahan tersebut termasuk:

- a) Penentuan zon dan wilayah bagi menempatkan para pendakwah HIKMAH untuk memantau dan mengawasi program dan aktiviti dengan sistematik.
- b) Penekanan pada ilmu asas Islam melalui program '*back to basic*' termasuk ilmu berkaitan solat dan pembacaan al-Quran bersama tenaga pengajar sukarela.
- c) Penekanan pada kualiti pengajaran Bahasa Inggeris dan bahasa ketiga (Bahasa Mandarin) di peringkat tadika HIKMAH, sambil memperkasa penggunaan bahasa Arab dan Malaysia sebagai medium utama pengajaran pra-sekolah.
- d) Penubuhan himpunan bulanan atau tahunan seperti halaqah antara pendakwah HIKMAH dan sukarelawan untuk menganjurkan program umum dan kemasyarakatan.
- e) Program dan aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan, minat, dan kecenderungan sasaran dakwah, termasuk golongan belia, kanak-kanak, dan mualaf.
- f) Memperluas fungsi klinik bergerak ke seluruh Sarawak sebagai sebahagian dari *dakwah bil al-Hal* (dakwah kebajikan dan kemasyarakatan).
- g) Meningkatkan program-program belia di bandar melalui sukan, muzakarah, kursus keusahawanan, serta aktiviti perkhemahan.
- h) Membina hubungan kerjasama yang berterusan dengan badan-badan kerajaan, s sektor swasta, dan NGO Islam lain dalam menangani krisis sosial dan akhlak di kalangan masyarakat.

Kerjasama yang termenterai antara BINA-HIKMAH, Tabung Baitulmal Sarawak, Unit Saudara Kita (USK) dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) telah membuka ruang bagi konsep dakwah bil al-Hal yang melibatkan pelaksanaan dakwah secara langsung ke lapangan dan kawasan pedalaman. Kerjasama strategik ini bagi menyaingi kegiatan misionari dari para mubaligh Kristian. Menerusi bantuan dana dari Baitulmal Sarawak, para pendakwah BINA-HIKMAH telah merencana perancangan, koordinasi dan pelaksanaan program dakwah kebajikan dan kemasyarakatan di kawasan pedalaman khususnya untuk mendekati masyarakat Bukan Islam dan mualaf.

Jawatankuasa Dakwah BINA-HIKMAH di bawah pengurusan berpengalaman pimpinan al-Fadil Ustaz Haji Idris Ahmad telah mengatur modul-program ini termasuk program dakwah mualaf yang dijalankan mengikut zon (cawangan), induk dan pedalaman. Struktur dan bentuk aktiviti berfokus kepada program khusus seperti Majlis Ta'lim Wanita HIKMAH yang dikendalikan oleh unit HELWA HIKMAH. Dalam menjalankan program ini, pendakwah BINA-HIKMAH diarahkan untuk memastikan kesesuaian gaya hidup mualaf dengan ajaran Islam melalui pendekatan yang mudah dan relevan dengan konteks semasa. Sejumlah aktiviti dakwah pedalaman yang dilaksanakan oleh HIKMAH ditunjukkan dalam Jadual 1:

**Jadual 1:** Program Dakwah Kebajikan dan Kemasyarakatan Mualaf HIKMAH

Bil	Nama Program	Objektif Program	Kaedah Pengisian	Kumpulan Sasar
1.	Ziarah Dakwah	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Meninjau secara dekat perkembangan pendidikan dan keperluan kebajikan mualaf.</li> <li>▪ Mengeratkan hubungan silaturrahim antara pendakwah dan mualaf.</li> <li>▪ Menerapkan konsep <i>Touch and Care</i> bagi memahami permasalahan, cabaran dan isu-isu semasa mualaf.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ceramah</li> <li>▪ Tazkirah/ Tausiah</li> <li>▪ Kursus bimbingan Fardhu Ain (solat)</li> <li>▪ Mendirikan solat berjemaah bersama mualaf</li> </ul>	Mualaf di Pedalaman
2.	Ziarah Du'afah	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menghulurkan sumbangan berupa barang keperluan dapur.</li> <li>▪ Memupuk perasaan mahabbah dan keperihatinan terhadap golongan tidak bernasib baik.</li> <li>▪ Mendapatkan maklumat status ekonomi dan pendidikan mualaf untuk diajukan ke pihak tertinggi HIKMAH.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tazkirah atau tausiah</li> <li>▪ Mendirikan solat berjemaah bersama mualaf</li> <li>▪ Penyampaian sumbangan kepada mualaf</li> </ul>	Mualaf yang dhaif

*bersambung*

3.	Jejak Dakwah	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pendekatan GTC ‘Go, Touch and Care’ bagi meninjau kehidupan mualaf.</li> <li>▪ Menjejaki mualaf dalam keadaan serba kekurangan, terlantar sakit dan uzur.</li> <li>▪ Memberi sumbangan kewangan kepada yang memerlukan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lawatan rumah ke rumah</li> <li>▪ Mendirikan solat berjemaah bersama mualaf</li> <li>▪ Pengisian kerohanian di surau dan dewan yang berdekatan</li> </ul>	Mualaf yang duduk berasingan dari keluarga selepas memeluk Islam
4.	Program Ramah Tamah Aidilfitri	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Beramah mesra dan bersilaturrahim dengan mualaf dan keluarganya yang bukan Islam.</li> <li>▪ Meraikan sambutan perayaan bersama pengurusan tertinggi HIKMAH.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sambutan Hari Kebesaran Islam</li> </ul>	Mualaf dijemput sebagai tetamu
5.	Ziarah Prihatin	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pendekatan GTC ‘Go, Touch and Care’ bagi meninjau kehidupan mualaf.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lawatan ke kampung-kampung mualaf</li> </ul>	Mualaf yang ditimpa kemalangan dan musibah
6.	Program Ibadah Qurban	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membuka peluang kepada orang ramai menunaikan Ibadah Qurban.</li> <li>▪ Memberi pengalaman dan didikan berkaitan syariat ibadah Qurban.</li> <li>▪ Pengagihan daging Qurban kepada mualaf.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Praktikal Ibadah</li> </ul>	Mualaf di Perkampungan Baru Islam
7.	Klinik bergerak	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memberikan khidmat sosial merentasi garis pemisah antara agama dan etnik.</li> <li>▪ Melahirkan rakyat yang prihatin dengan aspek kesihatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Program Khidmat Kesukarelawan &amp; Khidmat Komuniti</li> </ul>	Mualaf di Kawasan Pedalaman
8.	Program Safari Ramadhan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyampaian sumbangan kepada asnaf mualaf yang dhaif dan miskin serta berada di kawasan pedalaman.</li> <li>▪ Menonjolkan akhlak Islam melalui semangat tolong-menolong dan bantu-membantu sesama saudara seagama.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Program kebajikan</li> <li>▪ Pengisian kerohanian</li> <li>▪ Program Iftar Jama’ie</li> </ul>	Mualaf di Kawasan Pedalaman

*bersambung*

9.	Projek Perkampungan Baru Islam (PBI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mewujudkan persekitaran bersifat islamik kepada golongan mualaf.</li> <li>▪ Pembentukan kawasan perkampungan baru yang dilengkapi surau, tanah perkuburan, Pusat Khidmat HIKMAH dan kemudahan bekalan air dan elektrik.</li> <li>▪ Menyelia program dakwah HIKMAH kepada mualaf.</li> </ul>	Projek Kampung Angkat	Mualaf di Perkampungan Baru Islam
----	--------------------------------------	--	-----------------------	-----------------------------------

**Sumber:** Buku Cenderahati 50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019.

Dalam aspek program dakwah pendidikan pula, terdapat beberapa program bagi meningkatkan kefahaman Islam secara latihan, pengajian al-Quran, amali solat dan penambahbaikan (*tahsin*) secara khusus kepada kumpulan sasaran. Ia dilaksanakan secara kursus mengikut tempoh yang ditetapkan HIKMAH, sepertimana dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Program Dakwah Pendidikan Mualaf HIKMAH

Bil	Nama Program	Objektif Program	Kaedah Pengisian	Kumpulan Sasar
1.	Kursus Penggerak Dakwah	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memperkenalkan kepada masyarakat pedalaman tentang HIKMAH, fungsi dan aktiviti dakwahnya.</li> <li>▪ Menggembleng tenaga sukarelawan dalam kalangan masyarakat bagi menjayakan dakwah HIKMAH.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kursus Asas</li> </ul>	AJK surau dan masjid, pemimpin kaum dan kampung
2.	Kursus Bimbingan Fardhu Kifayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memberi kefahaman serta bimbingan secara amali dan praktikal berkaitan urusan pengurusan jenazah Muslim.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kursus Bimbingan</li> <li>▪ Ceramah</li> <li>▪ Praktikal/Amali</li> </ul>	Mualaf di Perkampungan Baru Islam
3.	Kelas Mengaji Iqra' dan al-Quran	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengajar, memantau dan memperbaiki kualiti pembacaan al-Quran dalam kalangan mualaf.</li> <li>▪ Menjadikan pengajaran dari al-Quran sebagai pedoman kehidupan seharian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kelas Bimbingan</li> </ul>	Mualaf di Perkampungan Baru Islam

*bersambung*

4.	Program Smart Solat	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membimbing masyarakat dan mualaf untuk menunaikan ibadah solat secara sempurna.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ceramah Praktikal/ Amali</li> </ul>	Mualaf di Perkampungan Baru Islam
5.	Kursus Pemantapan Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memberi didikan dan bimbingan secara berterusan berkaitan akidah Islamiah dan ibadah kepada mualaf.</li> <li>▪ Memperkukuh kefahaman dan keyakinan mualaf untuk beramal ajaran Islam dengan sempurna dan benar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kursus Bimbingan Ceramah Sesi Soal-Jawab</li> </ul>	Mualaf di Kawasan Pedalaman
6.	Majlis Tilawah al-Quran	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Meraikan anak-anak mualaf yang berjaya membaca al-Quran dengan fasih dan lancar.</li> <li>▪ Mencungkil bakat mereka sebagai penghafaz al-Quran.</li> <li>▪ Memupuk semangat cintakan dan membudayakan pembacaan al-Quran sejak di awal usia kanak-kanak.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sambutan Majlis Keagamaan</li> </ul>	Anak-anak mualaf di pedalaman
7.	Bicara dan Seminar HIKMAH	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memperkenalkan dakwah HIKMAH dan sedikit pengisian ilmu berkaitan dengan ilmu fiqh, sirah, tauhid dan isu-isu dakwah semasa.</li> <li>▪ Memupuk kesedaran tentang keberadaan HIKMAH dalam setiap cawangan.</li> <li>▪ Menambah keahlian baru bagi memperkukuh saf kepimpinan HIKMAH.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ceramah Forum Bual bicara 'Talk Show'</li> </ul>	Mualaf di Perkampungan Baru Islam
8.	Konvensyen Majlis Ta'lim Wanita Saudara Baru HIKMAH	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memberi pengisian ilmu agama yang berkaitan fiqh al-Nisa'</li> <li>▪ Mengadakan program motivasi kepimpinan dan bengkel kemahiran hidup.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ceramah Bengkel Kemahiran Pembentangan rancangan program di zon masing-masing</li> </ul>	Kaum Wanita Mualaf di bawah Unit HELWA HIKMAH

**Sumber:** Buku Cenderahati 50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019.

Program-program yang terdapat dalam Jadual 1 dan 2, menunjukkan usaha yang bersepadu dalam menyokong mualaf dari pelbagai aspek kehidupan. Dengan adanya program Ziarah *Du'afah*, Jejak Dakwah, dan Program Tamah Ramah Aidilfitri, kesan inklusiviti dan kepedulian sosial sangat jelas terlihat. Hal ini membantu mualaf merasa diterima dan disokong dalam masyarakat Islam, serta membangun hubungan yang lebih rapat dengan komuniti mereka.

Selain itu, melalui program-program seperti Kelas Mengaji Iqra' dan al-Quran, Program Smart Solat, dan Bicara dan Seminar HIKMAH, mualaf diberi peluang untuk mendalami agama Islam dengan lebih mendalam. Dengan penekanan pada pendidikan agama yang komprehensif, mereka dapat memperkuat asas keimanan dan mempraktikkan ajaran Islam dengan lebih baik. Sokongan terhadap kebajikan dan kesejahteraan mualaf juga diutamakan melalui program seperti Ziarah Dakwah, Ziarah *Du'afah*, dan Klinik Bergerak. Menerusi bantuan praktikal seperti sumbangan barang keperluan dapur dan pemeriksaan kesihatan, mualaf dapat merasa didukung dalam menghadapi cabaran kehidupan mereka.

Disamping itu, pembinaan komuniti yang berdaya tahan juga ditekankan melalui pelbagai program yang disediakan. Dengan membangun hubungan yang kuat antara mualaf dan masyarakat Muslim serta memberikan peluang untuk membina rangkaian sokongan, mereka dapat merasa lebih selesa dan diterima dalam komuniti baru mereka. Ini memungkinkan proses adaptasi mualaf menjadi lebih lancar dan memberi mereka ruang untuk berkembang dalam persekitaran yang memberi sokongan dan sensitif dengan keperluan semasa mereka.

(e) Dakwah Pengislaman di Pedalaman Sarawak

Pada tahun 1975, gerakan dakwah BINA-HIKMAH telah menumpukan usahanya kepada masyarakat Non-Muslim, terutamanya golongan mualaf di pedalaman Sarawak. Di bawah pimpinan Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub, gerakan ini berjaya mengumpulkan tenaga sukarelawan untuk menarik minat masyarakat Non-Muslim supaya mengenal dan memeluk agama Islam. Kejayaan ini terbukti apabila ribuan orang dari pelbagai kaum telah memeluk Islam secara sukarela dalam tempoh hanya tiga tahun (1976-1978) (Arifin, 2015).

Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub memanfaatkan pengaruh politiknya untuk melibatkan semua ahli politik dan pejabat agama Islam dalam menyokong kerja-kerja dakwah BINA-HIKMAH. Pendekatan dakwah '*Amal Jama'i*' dan semangat keislaman beliau berjaya menarik minat masyarakat Non-Muslim untuk memeluk Islam secara beramai-ramai. Beliau turut turun ke lapangan bersama pemimpin politik Muslim untuk terlibat dalam proses pengislaman masyarakat Non-Muslim (Arifin, 2015).

Sumbangan besar BINA-HIKMAH terlihat daripada penekanan mereka pada pembangunan dakwah Mualaf secara menyeluruh di pedalaman Sarawak melalui program-program pendidikan, kebajikan, dan kemasyarakatan. Para pendakwah BINA-HIKMAH aktif menghantar da'ie dari dalam dan luar negara ke pedalaman untuk mengajar akidah Islam dan asas Fardhu Ain kepada saudara baru. Program-program ini diselenggarakan oleh Jawatankuasa Dakwah BINA-HIKMAH dengan sokongan dana dari Baitulmal Sarawak (Abang Ishar, 2020).

Siri majlis pengislaman yang terakam dalam sejarah perjuangan BINA-HIKMAH di bawah kepimpinan Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub mencerminkan komitmen yang berterusan dalam menyebarkan ajaran Islam di wilayah pedalaman Sarawak. Dari peristiwa-



peristiwa di Surau Sri Bahagia (1982), Kampung Belimbing (1980), Dar al-Iman (1982), Kampung Sungan (1982), Kampung Sungai Buluh (1976), Semelatong (1982), Binatang (1982) hingga Kapit (t.th), terserlah beragam usaha yang digerakkan untuk mengislamkan penduduk tempatan (Abang Ishar, 2020). Kejayaan meraih jumlah mualaf yang cukup besar serta pembangunan infrastruktur keagamaan seperti surau dan masjid menunjukkan kesan positif yang dihasilkan oleh inisiatif ini. Ia sekaligus memperkukuhkan lagi aktiviti dakwah serta integrasi sosial di wilayah pedalaman Sarawak secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, setiap majlis pengislaman dijadikan sebagai tonggak penting dalam perkembangan Islam di kawasan tersebut.

(f) Program Dakwah Pendidikan dan Pengkaderan Mualaf

Sumbangan besar BINA-HIKMAH adalah penekanan yang diberikan kepada pembangunan dakwah mualaf secara bersepadu di kawasan pedalaman menerusi program-program pendidikan, kebajikan, dan kemasyarakatan. Program pendidikan ditonjolkan melalui usaha BINA-HIKMAH yang giat menghantar para da'ie tempatan dan luar negara ke kawasan pedalaman untuk mengajar akidah Islam dan asas fardhu ain kepada mualaf. Saluran pendidikan dalam kalangan mualaf berjaya diinstitusikan secara formal melalui sejarah penubuhan 4 pusat latihan iaitu:

a) Dar al-Rahmah:

Pusat pendidikan untuk anak-anak mualaf yang ditubuhkan pada tahun 1975. Pengambilan pelajar pertama dicatatkan seramai 35 orang selepas beroperasi secara rasmi pada 1 April 1977. Para pelajarnya terdiri dari pelbagai suku etnik di Sarawak seperti Iban, Melanau, Bidayuh, dan Orang Ulu (Ahmad Nasir, 2019). Kurikulum dan modul pendidikan yang digunakan mengikut kurikulum PERKIM dengan tujuan melahirkan ramai pelapis pendakwah dalam kalangan mualaf (Md. Amin, 2018).

b) Institut Dakwah BINA-HIKMAH:

Pusat pendidikan mualaf yang lebih bersistematik dan tersusun dari segi pengurusan dan operasi pembelajaran dari pusat Dar al-Rahmah. Ia ditubuhkan pada 17 Februari 1983 di Batu 24, Jalan Kuching-Serian untuk melahirkan dan mendidik anak-anak mualaf agar benar-benar menjiwai Islam dan mengasah bakat kepimpinan sebagai kader dakwah (Khalidi & Badlihisam, 2018; Md. Amin, 2018, Ahmad Nasir, 2019).

c) Pusat Latihan Dakwah HIKMAH:

Pusat ini memperkukuh peranan Institut Dakwah Dar Falah (IDDF) dengan memberi fokus kepada bidang kepimpinan pengkaderan Islam dari kalangan mualaf di Sarawak (Khalidi & Badlihisam, 2018). Penubuhannya adalah hasil usahasama antara Lembaga Amanah Kebajikan Darul Falah dan Tabung Baitulmal Sarawak dengan tujuan menampung kekurangan jumlah pendakwah dalam kalangan mualaf yang diperlukan bagi meneruskan usaha dakwah di perkampungan mereka Inggeris (Sumber: <https://www.hikmah.org.my/kemudahan>)

d) Tadika HIKMAH:

Merupakan pusat asuhan Islam kepada kanak-kanak Muslim, termasuk anak-anak mualaf yang berumur 4 tahun dan ke bawah. Tadika ini memberi penekanan kepada pertumbuhan mental, psikologi, dan fizikal yang berorientasikan Islamik Bintulu (Sumber: <https://www.hikmah.org.my/kemudahan>).

Melalui penubuhan pusat-pusat latihan ini, BINA-HIKMAH berharap untuk membentuk generasi mualaf yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai pemahaman agama yang kukuh serta dapat berdakwah secara efektif dalam kalangan masyarakat pedalaman Sarawak.

## **Kesimpulan**

Keseluruhannya, HIKMAH telah menggerakkan para pendakwahnya ke kawasan pedalaman terutama di perkampungan mualaf dengan menjalankan dakwah secara bersepadu melalui program-program bimbingan, kemasyarakatan, dan kebajikan yang holistik dan konstruktif. Program-program ini mengambil kira latar belakang sosio-budaya dan merapatkan hubungan antara komuniti mualaf dengan masyarakat bukan Islam. Meskipun menghadapi pelbagai kekurangan, para pendakwah HIKMAH sentiasa diberi motivasi untuk menyantuni mualaf secara berhikmah dan menjalin kerjasama dalam pelbagai aktiviti sosio-dakwah. Usaha kesukarelawan ini meliputi ziarah dakwah, bantuan kesihatan bergerak, agihan daging korban, serta bimbingan dan kerohanian, dengan dana dibelanjakan secara berhemah dan program dianjurkan secara strategik. Sumbangan besar HIKMAH adalah memperkasa program dakwah mualaf melalui penyediaan bantuan pendidikan dan latihan, termasuk pembelajaran agama, kemahiran hidup, dan kemahiran pekerjaan untuk meningkatkan keupayaan mualaf dalam menyumbang kepada masyarakat setempat. Selain itu, HIKMAH juga menyokong pembangunan infrastruktur keagamaan seperti pembinaan masjid dan pusat dakwah di kawasan pedalaman, yang berperanan sebagai pusat kegiatan keagamaan dan pendidikan bagi komuniti mualaf dan bukan mualaf. Semua usaha ini bertujuan memperkukuhkan kehadiran Islam di pedalaman Sarawak dan memperluaskan jaringan dakwah kepada lebih ramai penduduk tempatan.

## **Rujukan**

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Ed. 1. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Abang Ishar Abang Yaman. (2020). *Sejarah BINA-HIKMAH: Mengambil Ibrah*. Petra Jaya: Malien Press Sdn. Bhd.
- Abdul Razak Abdul Kadir. 2010. Sejarah Perkembangan dakwah Islamiah di Sarawak (1968-1985). *Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan IV*. Sulawesi: UIN Alauddin Makassar.
- Abu Dardaa Mohamad, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Anuar Puteh, Mohd Shahrul Nizam Mohd Saron, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar (2014). Cabaran Dakwah Islam dan Masalah PERAPI di Sarawak. Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar (pnyt.). *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik, Dakwah and Ethnicity: Multidisciplinary Perspective 2014*, hlm: 1-13 Bangi: Pusat Kajian Dakwah dan Orang Asli UKM
- Ahmad Munawwar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2018). *Kaedah Penyelidikan Sosial dari Perspektif Islam*. Bangi: Penerbit UKM
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff. (2019). *Dakwah Islam di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu Fath. (1990). *Madkhal 'ila 'ilm Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1978). *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Islami.

- Anuar Puteh. (2005). Keperluan Bimbingan kepada Saudara Baru. Razaleigh Muhamat@ Kawangit, Faudzinaim Hj. Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (Pnyt.). Dlm. *Masa Depan Saudara Baru*, hlm: 29-35. Bangi: Pusat Islam UKM.
- Aradika Razali. (2018). *Pembinaan Saudara Baru (Muallaf) di Harakah Islamiah (HIKMAH) Kuching Sarawak 1994-2017*. Skripsi Sarjana S-1. Surabaya: UIN Sunan Ampel.
- Ariffin Sebli. (2015). *Sumbangan Abdul Rahman Ya'kub dalam Dakwah di Sarawak*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam UM.
- Berhanundin bin Abdullah, Azli Fairuz bin Laki, Zawawi bin Yusoff & Nor Salimah binti Abu Mansor. (2016). Pelaksanaan Dakwah kepada Masyarakat Pribumi Sabah dan Sarawak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 6: 70-82.
- Buku Cenderahati 50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019. Petra Jaya: Harakah Islamiah (HIKMAH).
- Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal & Jaffary Awang. (2003). Peranan Pendidikan Islam dalam Pembentukan Budaya Masyarakat Islam di Kuching dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [edt]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, hlm.123-135.
- Fatimah Bujang, Fareiny Morni & Ratnawate Panie. (2012). Dakwah di Pedalaman Sarawak: Kajian Kes Duat HIKMAH. Dlm. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-V*, hlm: 677-689. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Galwash, Ahmad. (1979). *Al-Da'wah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misry.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1984). Prinsip dan Kebijaksanaan Da'wah Islam. Jakarta: PT Pustaka Panjimas.
- Harakah Islamiah. (n.d). Sejarah Penubuhan Harakah Islamiah, Retrieved Mei 13, 2023, from [www.hikmah.org.my/sejarah](http://www.hikmah.org.my/sejarah)
- Harakah Islamiah. (n.d.). Kemudahan Harakah Islamiah. Retrieved Mei 13, 2023, from [www.hikmah.org.my/kemudahan](http://www.hikmah.org.my/kemudahan)
- Juanda Jaya. (2003). *Dakwah Islam di Sarawak: Kajian terhadap Pengurusan Dakwah Secara Berorganiasi*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan. (2010). Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Khalidi Ibrahim & Badlihisam Mohd Nasir. (2018). *Peranan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam Perkembangan Syiar Islam di Sarawak*. Farid Mat Zin & Izziah Suryani Mat Resad (pnyt.). Dlm. *Ulama dan Perkembangan Islam di Sarawak dan Sabah*, hlm: 101-117. Bangi: Penerbit UKM
- \_\_\_\_\_.2002. *Laporan Kertas Kerja Muzakarah Dakwah*. Petra Jaya: Sektor Dakwah HIKMAH
- Md. Amin Abdul Rahman. (2018). *Dakwah Islamiah dalam Kalangan Bumiputera Sebelum dan Selepas Merdeka Hingga ke Tahun 80 an*. Kuala Kertil: Koperasi UniSHAMS.
- Mohd Farid Hafidz Ahmad & Mohamad Khairi Haji Othman. (2016). Pusat Islam Polimas: Penglibatan Program Dakwah Dan Hubungannya Dengan Amalan Ibadat Solat Dan Pengamalan Akhlak Pelajar. *Proceedings of The ICECRS*, hlm. 653-662
- Mohd Syuhaimi Ab. Rahman, Mohd Jailani Mohd Nor & Shahrom Md. Zain. 2017 *Pemantapan Pengurusan Penyelidikan*. Bangi: Penerbit UKM
- Mohd Zuhaili Kamal Basir, Mohd Shafik Mohd Samsi & Norizuandi Ibrahim. (2019). Cabaran dan Pendekatan Dakwah Saudara Muslim dalam Kalangan Pendakwah Harakah Islamiah (HIKMAH): Kajian Kes di Mukah, Sarawak. Adibah Abd. Wahab, Mohd Afandi Mat Rani & Mohd Izzat Amsyar Mohd Ari (pnyt.). Dlm. *Potensi Muallaf Mendepani Cabara Era Kontemporari*, hlm: 1-34. Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ) & Akademi Pengajian Islam Kontemporari.

- Nor Azura Narawi, Hafizul Rasdi & Abdul Razak Abdul Kadir. (2018). Konsep dakwah bi al-Hikmah oleh Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) Terhadap Penganut Agama Lain di Sarawak. Mohd Syahiran Abdul Latif, Firdaus Abdullah, Hadi Jumaat, Noranizah Yusuf, Saimi Bujang, Sharifah Anom Omar, Mohd Asyraf Ayob, Muhd Firdaus Muhd Yusoff & Nur Atiqah Abdul Rahman (pnyt.). Dlm. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) ke-11*, hlm: 532-536. Sarawak: Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Islam Borneo & Akademi Pengajian Islam Borneo.
- Shalabi, Ra'uf. (1982). *Sikulugiyah al-Ra'i wa al-Da'wah*. Kuwait: Dar al-Qalam
- Simoi Peri. (1990). *Ibadat: Kefahaman dan Amalannya di Kalangan Saudara Baru di Sarawak: Kajian Kes di Kg Belimbing Padawan*. Projek Ilmiah Sarjanamuda: Akademi Pengajian Islam UM.
- Siti Nurfatin Hazwani Romji, Nur Izyan Syazwanie Usop, Effa Rina Abd Salam, Nurul Azyyati Mohamed Suhaimi & Syazwisyahmi Marahaini Samsudin. (2018). Sumbangan T.Y.T, Dato' Seri Pehin Abdul Taib Mahmud dalam Pentadbiran Pembangunan Islam di Sarawak'. Mohd Syahiran Abdul Latif, Firdaus Abdullah, Hadi Jumaat, Noranizah Yusuf, Saimi Bujang, Sharifah Anom Omar, Mohd Asyraf Ayob, Muhd Firdaus Muhd Yusoff & Nur Atiqah Abdul Rahman (pnyt.). Dlm. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) ke-11*, Dlm: 393-396. Sarawak: Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Islam Borneo & Akademi Pengajian Islam Borneo.
- Siti Ruqayah Hj. Tibek et. al. (2018). Aktiviti Dakwah di Sarawak dan Penerimaannya dalam Kalangan Wanita. Dlm. Farid Mat Zin & Izziah Suryani Mat Resad (pnyt.). *Ulama dan Perkembangan Islam di Sarawak dan Sabah*, hlm: 175-188. Bangi: Penerbit UKM.
- Yusman Mustapha. (2018). *Sejarah Perkembangan Pusat Latihan Dakwah (PLD), Yayasan Dakwah HIKMAH Kuching, Sarawak (1989-2018)*. Skripsi Sarjana S-1. Surabaya: UIN Sunan Ampel.
- Zulkiplie Abdul Ghani & Juanda Haji Jaya. (2018). Peranan Tokoh Agama dalam Mengorganisasikan Dakwah di Sarawak Sebelum Merdeka. Farid Mat Zin & Izziah Suryani Mat Resad (pnyt.). Dlm. *Ulama dan Perkembangan Islam di Sarawak dan Sabah*, hlm: 82-100. Bangi: Penerbit UKM.
- Zaydan, Abdul Karim. (1987). *Dasar-Dasar Ilmu Da'wah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

